Gotong-royong Membersihkan Kawasan Sekolah

Pada hari Sabtu yang lalu, SJKC Desa Indah telah mengadakan aktiviti gotong-royong untuk membersihkan kawasan sekolah. Aktiviti tersebut disertai oleh murid-murid, guru-guru dan pekerja sekolah. Semua warga sekolah bekerjasama untuk menjadikan kawasan sekolah lebih bersih, kemas dan ceria.

Pada awal pagi, Teck Yong dan rakan-rakannya, Jia Wei, Kumar dan Mei Ling berkumpul di tapak perhimpunan. Cikgu Selvi memberikan taklimat tentang aktiviti yang akan dijalankan. Beliau membahagikan murid-murid kepada beberapa kumpulan dan memberikan tugasan kepada setiap kumpulan.

Teck Yong dan rakan-rakannya ditugaskan untuk membersihkan kawasan taman sekolah. Mereka mencabut rumput liar, mengutip daun-daun kering dan menyapu kawasan tersebut. Cikgu Faridah turut membantu Teck Yong dan rakan-rakannya membersihkan taman sekolah. Beliau mengajar mereka cara mencabut rumput liar dan mengumpulkan daun-daun kering dengan betul.

Sementara itu, Cikgu Rajan bersama beberapa orang murid membersihkan longkang di belakang sekolah. Mereka mendapati sampah yang memenuhi longkang telah menyebabkan aliran air tersumbat. Mereka mengeluarkan plastik, botol kosong, daun-daun kering dan pelbagai sampah yang terkumpul di dalam longkang. Cikgu Rajan mengingatkan murid-murid supaya tidak membuang sampah merata-rata.

Pada masa yang sama, Cikgu Lim membantu murid-murid mengasingkan bahan kitar semula seperti botol plastik, tin dan kotak. Semua warga sekolah bekerjasama tanpa mengenal penat lelah. Selepas beberapa jam, kerja-kerja pembersihan pun selesai.

Setelah selesai bergotong-royong, guru-guru dan murid-murid menikmati jamuan di kantin sekolah. Teck Yong dan rakan-rakannya makan sambil berbual dan bergurau dengan gembira. Selepas itu, mereka mengemas tempat makan sebelum bersurai. Teck Yong dan rakan-rakannya mengucapkan terima kasih kepada Cikgu Selvi dan guru-guru lain atas jamuan yang disediakan. Mereka kemudian mengambil beg masing-masing dan pulang ke rumah dengan hati yang gembira.

LIVEWORKSHEETS